



05 SEP, 2020

Kebun fertigasi jadi sumber bulanan

Kosmo, Malaysia

Page 1 of 2

Kebun fertigasi jadi sumber bulanan

REBAU – Sepasang suami isteri tidak menyangka usaha mereka menanam sayuran secara fertigasi terbiar ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Mac lalu bakal merintis jalan untuk bergelar usahawan tani.

Misriah Mohamed Yahaya, 37, berkata, idea berkenaan timbul selepas dia dan suami, Zulhelmi Badaruldzaman, 37, kehilangan sumber pendapatan kerana tidak dapat menjual air di lima buah pasar tani ekoran pandemik Covid-19.

Bekas eksekutif bank berkenaan memberitahu, sepanjang tempoh itu, mereka menggunakan wang simpanan bagi menampung perbelanjaan lima orang anak berusia empat hingga 12 tahun.

"Kami terfikir untuk berkebun dan meminta kebenaran saudara untuk mengusahakan tanaman fertigasi di atas tanah seluas 0.1 hektar berhampiran rumah. Pada peringkat awal, kami hanya menggunakan barangan sedia ada dan menyemai benih sayuran yang dibeli di pasar raya.

"Kami bermula dengan tomato yang disemai menjadi 20



MISRIAH bersama Zulhelmi menunjukkan sayur-sayuran yang ditanam di kebunnya di Kampung Bukit Kledang, Rembau semalam.

batang anak pokok diikuti petola, timun dan cili. Cara semailan dan penjagaan dipelajari daripada YouTube dan Facebook," katanya ketika ditemui *Kosmo!* di Kampung Bukit Kledang, Kota, dekat sini semalam.

Misriah memberitahu, usaha mereka itu membuahkan hasil apabila berjaya menanam 100

pokok Cili, terung panjang (20), jagung (20), kobis (20), halia (10), nenas (10), tembikai (10) dan kacang botol (5).

Menurut lepasan Ijazah Pengurusan Perniagaan (Perbankan) Universiti Teknologi Mara Shah Alam itu, walaupun masih belum boleh dijual secara komersil, hasil kebun berkenaan telah

banyak membantu menjimatkan belanja dapur mereka sekeluarga.

"Tidak perlu lagi beli sayur, malah ada juga penduduk yang tahu kami usahakan kebun, mula membeli anak pokok dengan kami.

"Syukur sangat kerana apa yang diusahakan sejak PKP bermula, banyak membantu kami sekeluarga menampung perbelanjaan bulanan," ujarnya.

Bercerita lanjut, Zulhelmi memberitahu, mereka merancang untuk meluaskan lagi kebun fertigasi berkenaan dan ketika ini sedang menyiapkan kertas kerja sebelum diserahkan kepada agensi berkaitan.

"Kami menggunakan sepenuhnya baja dan racun organik, biarpun ketika ini tanaman yang diusahakan belum mencapai tahap jualan namun telah ada permintaan.

"Diharapkan impian kami untuk meluaskan tanaman fertigasi ini dapat direalisasikan supaya ia boleh dijadikan pendapatan keluarga selain membantu penduduk kampung mendapatkan bekalan sayur yang segar," ujarnya.



05 SEP, 2020

Kebun fertigasi jadi sumber bulanan

Kosmo, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

REMBAU - Sepasang suami isteri tidak menyangka usaha mereka menanam sayuran secara fertigasi terbiar ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Mac lalu bakal merintis jalan untuk bergelar usahawan tani. Misriah Mohamed Yahaya, 37, berkata, idea berkenaan timbul selepas dia dan suami, Zulhelmi Badaruldzaman, 37, kehilangan sumber pendapatan kerana tidak dapat menjual air di lima buah pasar tani ekoran pandemik Covid-19.